

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)**

**RUJUKAN : 10557**

**SOALAN :**

Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan kanak-kanak umur 18 tahun ke bawah yang memohon kerakyatan Malaysia dari tahun 2000 sehingga 2018, nyatakan mengikut tahun. Antaranya berapakah yang diluluskan dan nyatakan mengikut tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2000 hingga 2017, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 82,798 permohonan kewarganegaraan bagi individu berumur 21 tahun dan ke bawah. Dalam tempoh yang sama, seramai 16,604 orang individu berumur bawah 21 tahun telah dianugerahkan kewarganegaraan selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.